

UMS akan jadi rujukan pelbagai penyakit

OLEH YATIM TAUBATAL ANDAM

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menjadi rujukan terhadap pelbagai jenis penyakit utama di negeri ini berikutan penubuhan Sekolah Perubatan pada tahun ini, kata Naib Canselornya Tan Sri Prof Dr Abu Hassan Othman.

Beliau berkata, sekolah itu yang diketuai oleh Prof Dr Osman Ali akan merintis sekolah berkenaan dengan kemasukan 34 pelajar sebagai perintis bagi sesi 2003/2004.

Sebelum ini, Dr Osman adalah Ketua Jabatan Kesihatan Masyarakat Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.

Dr Abu Hassan berkata, tujuh wawasan dan tujuan program perubatan di UMS, antara lain untuk menambah bilangan perubatan dan tenaga pakar kesihatan negara, khususnya negeri ini yang memberi peluang kepada ramai pelajar tempatan dan Sarawak untuk mengikuti program pengajian ini.

Selain itu, menurutnya ia juga sebagai usaha menambah dan membekal 41,963 doktor perubatan menjelang 2020, menjadikan Sekolah Perubatan UMS sebagai pusat rujukan terulung di Borneo dan kawasan BIMF-EAGQA, meningkatkan perkhidmatan kepakaran perubatan dan kesihatan penduduk tempatan dan Sarawak.

"Kami juga berharap penubuhan Sekolah Perubatan ini akan membantu sektor sokon-

gan perubatan di negeri ini akan berkembang serta memberi peluang pekerjaan dan peningkatan ekonomi rakyat," katanya.

Beliau berkata pada sidang media sempena Pendaftaran Pelajar Baru UMS sesi 2003/2004 di Kampus Teluk Likas, kelmarin.

Katanya, penubuhan Sekolah perubatan itu juga untuk menjadi sebuah institusi yang cemerlang dalam bidang pengajaran, pembelajaran dan pusat penyelidikan perubatan dan kesihatan masyarakat di rantau ini.

Menurutnya, Kementerian Pendidikan sebelum ini telah meluluskan penubuhan Sekolah Perubatan itu yang akan menawarkan Program Ijazah Doktor Perubatan mulai sesi 2003/2004.

"Sekolah perubatan ini akan dibentuk sebagai pusat rujukan perubatan dan penyelidikan terulung bidang klinikal dan biomediks yang menekankan terhadap penyakit penting di negeri ini," katanya.

Sementara itu, Dr Abu Hassan berkata pada sesi tahun ini UMS menerima masuk 3,965 pelajar termasuk pelajar Sekolah Perubatan bagi Ijazah Pertama bagi sesi 2003/2004.

Katanya, jumlah kemasukan itu meningkat 23 peratus berbanding tahun lalu seramai 3,234 menjadikan 9,267 jumlah keseluruhan pelajar Ijazah Pertama UMS yang berdaftar, termasuk di Kampus Antarabangsa Labuan.

"UMS kini menawarkan 55 program pengajian daripada 12 sekolah serta sembilan pusat



BAKAL DOKTOR...Dr Abu Hassan memperkatakan sesuatu kepada pelajar Sekolah Perubatan sambil diperhatikan oleh Dr Osman (kiri sekali).

pengajian dan institut penyelidikan," katanya.

Sekolah yang sedia ada ialah Sekolah Sains Sosial, Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, Sekolah pendidikan dan Pembangunan Sosial, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Sekolah Pengajian Seni, Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, Sanis Makanan dan Pemakanan; Sains dan Teknologi, Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa Sekolah Perubatan.

Manakala dua sekolah di kampus Antarabangsa Labuan ialah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa La-

buan dan Sekolah Sains Informatik Labuan.

Dr Abu Hassan juga berkata, UMS juga mengadakan hubungan kerjasama dengan universiti dan institusi antarabangsa, antaranya Universiti Oxford, University Of Leeds, Bristol (UK), Thailand, Denmark, Vietnam, Sepanyol, Jerman dan Jepun.

"Ia untuk memenuhi keperluan globalisasi untuk meningkatkan mobiliti dan pendedahan kepada pelajar dan kaitangan universiti menerusi kegiatan persefahaman dan pertukaran pelajar di universiti berkenaan," katanya.

Menurutnya, pada masa yang sama jumlah pelajar yang mengikuti program ijazah sarjana dan Doktor Falsafah juga bertambah kepada 670 pelajar yang mengikuti program pengajian pasca siswazah memabitkan 104 bidang pengajian. "Kebanyakan pelajar Asia mengikuti Program Pasca siswazah ini termasuk dari Filipina, Maynmar, Pakistan, India, Kemboja, Brunei, Indonesia dan Algeria," katanya.

Katanya, sejak empat tahun lalu, UMS mengeluarkan 79 graduan Ijazah Sarjana dan lima graduan ijazah doktor falsafah.